

EFFECT OF WALKMAN TO HEARING

Adeline Goh

Tujuan kajian ini diadakan ialah untuk mengetahui samada penggunaan *walkman* mengakibatkan kesan pendengaran terhadap telinga kita. Kajian ini berdasarkan hipotesis bahawa penggunaan *walkman* akan mengakibatkan kehilangan pendengaran akibat bunyi bising (NIHL). Sejumlah 100 kertas soalselidik dikeluarkan dan subjek dipilih berdasarkan soalselidik itu. Subjek-subjek ditanya soalan tentang umur, jantina, pekerjaan, tahap penggunaan *walkman* berdasarkan jumlah masa yang dipakai, tahap bunyi yang didengar, jenama *walkman* tersebut, sejarah kesihatan mereka, dan pendengaran mereka, sejarah pendengaran keluarga mereka dan kekerapan pendedahan mereka kepada bunyi bising. Selepas itu, sejumlah 60 subjek dipilih, dan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu kumpulan control dan kumpulan kajian. Kumpulan control di definisikan sebagai kumpulan yang tidak mengguna *walkman*, dan kumpulan kajian definisikan sebagai mereka yang mengguna *walkman*. Kedua-dua kumpulan terpaksa lulus dalam kriteria pemilihan sebelum menjalani ujian di Klinik Audiologi. Subjek-subjek dalam kumpulan control terdiri daripada 53.55% kaum Melayu, 40% kaum Cina, 6.67% kaum India. Kumpulan kajian terdiri daripada 60% kaum Melayu, 30% kaum Cina, 3.33% kaum India dan 6.67% kaum lain-lain. 34 daripada keseluruhan kumpulan ini terdiri daripada kaum wanita dan 26 lelaki.

Kajian ini telah menunjukkan bahawa tiada kesan kehilangan pendengaran dengan menggunakan *walkman* selepas perbandingan nilai ambang pendengaran daripada dua kumpulan tersebut ($p > 0.05$). Selain itu pengukuran intensiti nada dari *walkman* juga dijalankan untuk tiga jenama *walkman* yang berlainan. Keputusan menunjukkan min intensiti yang tertinggi dan terendah dihasilkan adalah 104.73 dBSPL dan 49 dBSPL. Untuk intensiti yang selesa didengar adalah pada min intensiti 86.33 dBSPL. Akibat hilang pendengaran yang kukuh daripada penggunaan *walkman* untuk subjek yang berumur 18 hingga 25 tahun adalah sukar untuk dikenalpasti. Namun demikian kesemua data yang dikumpul dapat membantu dalam kajian masa depan dan boleh digunakan sebagai satu rujuk.

Goh, A. 2001. Effect of Walkman to Hearing. Bachelor of Audiology Thesis. Universiti Kebangsaan Malaysia.